

09 JAN 2003

Peace-Gabungan

SERATUS PERTUBUHAN SETUJU SERTAI PEACE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Sekurang-kurangnya 100 pertubuhan bersetuju menyertai Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (PEACE Malaysia) yang bertujuan menyatukan rakyat negara ini menyuarakan keinginan mereka untuk melihat kedamaian berterusan di seluruh dunia.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Zulkifli Alwi berkata perikatan itu disertai pertubuhan politik, belia, sukarela, keagamaan, pakaian seragam, kemasyarakatan, perniagaan, iktisas, wanita, kesatuan sekerja dan karyawan.

"Sekurang-kurangnya 100 pertubuhan yang mempunyai 2.5 juta anggota bersetuju untuk bersama-sama dalam perikatan ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan pertemuan wakil-wakil pertubuhan itu di sini, hari ini.

Beliau berkata Pemuda DAP juga bersetuju menyertai perikatan ini.

"Kita juga ingin menjemput Pemuda Pas, Keadilan dan parti politik lain untuk bersama-sama dalam usaha ini," katanya.

Zulkifli yang bertindak sebagai penyelaras PEACE Malaysia berkata perikatan itu akan mengadakan program perhimpunan dan konsert keamanan pada 23 Feb ini di Dataran KLCC bagi menggerakkan kempen keamanan itu.

Perhimpunan itu dijangka akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, PEACE Malaysia juga akan menganjurkan persidangan antarabangsa, pameran, bengkel, kempen tandatangan, larian keamanan, perarakan keamanan dan program media bagi menggerakkan kempen itu.

Menurut Zulkifli perikatan tanpa campurtangan kerajaan dan politik itu juga akan mengemukakan memorandum yang menggambarkan hasrat rakyat negara ini untuk disampaikan kepada Ketua-ketua Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang akan mengadakan sidang kemuncaknya di sini pada 20-25 Feb.

Beliau berkata dengan 114 negara anggota, NAM boleh memainkan peranan penting dalam mencorakkan aturan keselamatan dunia.

-- BERNAMA

MUN AHH ZB